

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Kempen “Foreign Currency Current Account-i Saudi Arabia Riyal (SAR) Fee Rebate”

1. Kempen “FCCA-i SAR Fee Rebate” (“Kempen”) adalah dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872(671380-H)] (“CIMB”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **16 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020** (“Tempoh Kempen”).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen adalah terbuka kepada semua pelanggan individu dengan:-
 - a. Akaun Semasa Mata Wang Asing-i CIMB dalam mata wang asing Riyal Saudi (SAR) (“FCCA-i”); **DAN**
 - b. Akaun Semasa atau Akaun Simpanan CIMB atau Akaun Semasa atau Akaun Simpanan yang dikekalkan dengan CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] (“CIMB Bank Berhad”) (“CASA-i”),
(secara kolektif disebut sebagai “Akaun Layak”)

selama Tempoh Kempen melainkan yang ditentukan dalam Klausa 5 di sini (secara kolektif disebut sebagai “Pelanggan Layak”). Akaun Semasa Mata Wang Asing CIMB Bank Berhad tidak akan berkaitan untuk tujuan Kempen ini.

5. Entiti berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Pemilikan Tunggal (iaitu akaun perniagaan);
 - b. Perkongsian;
 - c. Organisasi/pertubuhan amal/bukan keuntungan;
 - d. Pelanggan korporat;
 - e. Syarikat sendirian berhad;
 - f. Syarikat tersenarai awam;
 - g. Kelab;
 - h. Persatuan dan koperasi;
 - i. Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulung, atau selainnya mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - j. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Mekanik dan Syarat-Syarat Kempen

6. Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Layak yang didebitkan dengan fi berikut dari FCCA-i, iaitu:
 - a. Fi pengendalian USD 2 atau bersamanya dalam Ringgit Malaysia untuk setiap catatan debit atau kredit dalam FCCA-i; dan/atau
 - b. Caj perkhidmatan setengah tahunan USD10 atau bersamanya dalam Ringgit Malaysia untuk setiap FCCA-i;

(secara kolektif dirujuk sebagai “**Fi Didebitkan**”)

hendaklah layak menerima rebat fi yang setara dengan Fi Didebitkan dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran asing semasa pada masa pendebitan Fi Didebitkan (“**Rebat Fi**”).

7. Apabila Fi Didebitkan didebitkan dari FCCA-i semasa Tempoh Pendebitan Fi¹, Rebate Fi akan dikreditkan ke CASA/-i semasa Tempoh Rebat Fi², seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah (“**Jadual**”) dan tertakluk kepada Klausula 8 di sini:

Jadual

Tempoh Pendebitan Fi ¹	Tempoh Rebat Fi ²
16 Mac 2020 – 31 Mei 2020	1 Julai 2020 – 31 Julai 2020

¹ Tempoh yang mana Fi Didebitkan didebitkan dari FCCA-i

² Tempoh yang mana Rebat Fi dikreditkan ke dalam CASA/-i

8. Rebate Fi akan dikreditkan ke dalam CASA/-i yang memenuhi kriteria berikut:
 - a. Fi Didebitkan mesti didebitkan dari FCCA-i semasa Tempoh Pendebitan Fi. CASA/-i di mana Rebate Fi akan dikreditkan mestilah dalam Status “**Aktif**” dan dengan baki purata tertinggi pada Mei 2020 (“**Baki Purata**”). “**Baki Purata**” untuk tujuan Kempen ini merujuk kepada jumlah baki akhir hari harian CASA/-i berkenaan pada Mei 2020 dibahagi dengan jumlah hari pada bulan Mei 2020:-

$$\text{Baki Purata} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Hari Harian pada Mei 2020 (iaitu dari 1 Mei 2020 hingga 31 Mei 2020)}}{\text{Bilangan Hari pada Mei 2020 (iaitu 31 hari)}}$$

- b. Jika Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu CASA/-i, CASA/-i dengan nama tunggal dengan Baki Purata tertinggi akan dipilih untuk tujuan pengkreditan Rebate Fi; Jika tidak ada CASA/-i dengan nama tunggal, CASA/-i bersama (*hanya terhad kepada CASA/-i bersama dengan Pelanggan Layak sebagai pemegang akaun utama*) dengan Baki Purata tertinggi akan dipilih untuk tujuan pengkreditan Rebate Fi; dan
 - c. CASA/-i bersama di mana Pelanggan Layak bukan pemegang akaun utama tidak akan layak menerima Rebate Fi.
9. Jika terdapat sebarang pertikaian berhubung dengan kelayakan Rebate Fi, Pelanggan Layak boleh meminta kelulusan dengan cara yang ditentukan oleh CIMB dalam dua (2) bulan dari 1 Ogos 2020 hingga 30 September 2020. Sebarang pertikaian berkaitan dengan kelayakan Rebate Fi tidak akan dilayan oleh CIMB selepas 30 September 2020.

10. Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Rebat Fi hendaklah menjadi muktamad, terikat dan konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara, melainkan kesilapan nyata.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah menjadi muktamad, terikat dan konklusif.
12. Akaun Layak Pelanggan Layak (i) MESTI berada dalam kedudukan yang baik; (ii) MESTI tidak memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Layak; DAN (iii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB, jika tidak Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan tidak akan layak untuk menerima Rebat Fi.
13. Keputusan CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen hendaklah menjadi muktamad, terikat dan konklusif dengan syarat bahawa keputusan mestilah kelihatan adil dan munasabah. Tiada surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama akan dilayan.
14. CIMB merizabkan hak untuk menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau menggantikan Rebat Fi dengan ganjaran yang mempunyai kos yang serupa atau setara, dengan memberikan kepada Pelanggan Layak notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini dan/atau penggantian Rebat Fi tidak akan melayakkan Pelanggan Layak kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak akibat secara langsung atau tidak langsung tindakan penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik dan/atau penggantian Rebat Fi melainkan perkara yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
15. CIMB merizabkan hak memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadam, mengubahsuai, meminda atau sebaliknya jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan di atas budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui pos biasa ke alamat Pelanggan Layak yang terakhir diketahui, atau dengan memapar notis mengenai Pindaan di setiap cawangan CIMB, atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB, atau melalui laman web CIMB, atau melalui sebarang kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat

dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh sedemikian seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Pelanggan Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Pindaan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

16. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini seperti yang boleh dipinda dari semasa ke semasa hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Layak yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
17. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju tidak mempertanggungjawabkan CIMB jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, akibat secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, sebarang "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
18. Dengan menerima Rebat Fi, Pelanggan Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing dari dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Pelanggan Layak tersebut dalam Kempen atau penerimaan, penepusan atau penggunaan Rebat Fi.
19. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak, termasuk Pelanggan Layak, untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua sifat yang dialami oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kecederaan atau kematian, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimana yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau ketidak-penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen melainkan yang sama timbul disebabkan oleh keingkarannya sengaja atau kecuaiannya melampau CIMB.
20. CIMB tidak menanggung tanggungjawab untuk sebarang implikasi cukai yang mungkin berbangkit daripada Rebat Tunai atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Rebat Fi kekal sebagai tanggungjawab tunggal Pelanggan Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Pelanggan Layak untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensinya yang ia mungkin ada terhadap keadaan kewangannya sendiri.
21. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini memberi kuasa dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah berhak untuk menerbitkan dan/atau mempamerkan tanpa kos kepada Pelanggan Layak, bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor pengenalan, bandar kediaman dan gambar Pelanggan Layak yang menerima Rebat Fi untuk Kempen ini bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang dianggapnya sesuai.

22. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai terhadap Kempen atau sebarang perkara di sini.
23. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau versi dalam bahasa lain Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apapun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat hendaklah mengawal operasi FCCA-i, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini akan mengatasi yang lain.
24. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat emel yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat emel lain sepertimana yang CIMB boleh tukarkan melalui pemberitahuan kepada Pelanggan Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Kuala Lumpur / Tel: +603 6204 7788 / Emel: CRU@cimb.com.